

# Dari Sudut Pandang Agama

## PERANAN DAN HALA TUJU INSTITUSI ZAKAT DAN SEDEKAH DI UiTM

Oleh

<sup>1</sup>DR RAFIDAH MOHD AZLI DAN  
<sup>2</sup>DR MOHD ASHROF ZAKI YAAKOB

<sup>1</sup>Koordinator ZAWAF, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

<sup>2</sup>Pengarah Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF), Pejabat Naib Canselor, UiTM Shah Alam, 40450 Shah Alam, Selangor

[rafidah2262@uitm.edu.my](mailto:rafidah2262@uitm.edu.my)

Editor: Nursyazni Abdul Rahim

“Di UiTM, pusat tanggungjawab (PTJ) yang diamanahkan untuk menguruskan zakat dan sedekah ialah Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF). Berdasarkan sejarah awal kewujudannya, ia bermula dengan penubuhan Unit Zakat pada tahun 1998.”

Oleh yang demikian, artikel ini ingin mengenangkan peranan dan hala tuju institusi zakat dan sedekah di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Pada tahun 2012, Unit Zakat diletakkan di bawah pengurusan oleh Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam atau Centre for Islamic Thought and Understanding (CITU). Seterusnya, pada tahun 2014, CITU telah dinaiktaraf menjadi Akademi Pengajian Islam Kontemporari atau Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) dan Unit Zakat telah bertukar nama kepada Pusat Zakat, Sedekah dan Wakaf. Bermula pada 2019, ia sekali lagi dinaiktaraf menjadi Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) dan diletakkan di bawah seliaan Pejabat Naib Canselor, serta diterajui oleh seorang pengarah yang dilantik dari kalangan pensyarah ACIS.

Manakala bagi pengurusan zakat, sedekah dan wakaf di kampus cawangan UiTM seluruh Malaysia, telah ditubuhkan Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf (UZSW) di setiap cawangan UiTM di seluruh negara. Unit ini akan diketuai oleh seorang koordinator yang dilantik dari kalangan pensyarah ACIS kampus cawangan. Koordinator ZAWAF di cawangan berperanan mengurus dan melaksanakan dasar serta polisi ZAWAF.

**ASPEK** kebijakan warga universiti merupakan antara perkara yang penting dan wajib dititikberatkan di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Penubuhan unit zakat dan sedekah di institusi pengajian tinggi merupakan satu bahagian yang penting. Ini kerana institusi pengajian tinggi menerima pelajar dari keluarga yang mempunyai pelbagai latar belakang yang berbeza. Pelajar yang menuntut di IPT berasal dari keluarga asnaf dan bukan asnaf. Pihak IPT di seluruh negara telah menyediakan unit atau bahagian kutipan dan agihan zakat bagi memastikan objektif zakat tercapai di kalangan warga universiti. Walaupun demikian, masih ramai pihak masih belum menyedari fungsi dan peranan unit zakat kampus. Pihak tersebut adalah dari kalangan kakitangan dan pelajar universiti.

Sebelum penstrukturkan semula pada tahun 2019, pengurusan dan operasi zakat bercampur aduk dan tidak mempunyai punca kuasa yang jelas. Namun, mulai tahun 2020, pengurusan ZAWAF di kampus cawangan telah diselaraskan serta diurus sepenuhnya oleh koordinator Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf yang telah dimasukkan sebagai salah satu dari nomenclatur akademik di UiTM. Selaras dengan penyelarasan ini, pengurusan zakat, sedekah dan wakaf di kampus cawangan seluruh Malaysia menjadi semakin baik, efisien dan bersistematis.

Dalam hal ehwal pengagihan zakat, ZAWAF bertanggungjawab dan berperanan dalam mengagihkan dan menguruskan dana zakat yang diterima dari Majlis Agama Islam Negeri. Dana tersebut adalah hasil bayaran zakat dari kakitangan UiTM kampus tersebut yang dipulangkan semula oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Bagi UiTM Negeri Sembilan, wang agihan zakat yang diterima oleh ZAWAF adalah bersumberkan daripada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS). Ini kerana terdapat sebahagian kakitangan yang membuat bayaran zakat kepada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), dan sebahagian kecil kakitangan membuat bayaran zakat ke Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang mempunyai perjanjian persefahaman dengan UiTM Shah Alam.

Manakala dari aspek penerima atau asnaf zakat di UiTM, tumpuan utama adalah kepada lima asnaf yang utama iaitu Fakir, Miskin, Fisabilillah, Muallaf dan Ibn Sabil. Dalam menentukan kadar agihan yang bersesuaian, kaedah pengiraan berdasarkan Had Kifayah Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah digunakan dalam menentukan kategori asnaf pemohon. Pada setiap semester, permohonan zakat akan dibuka kepada pelajar yang ingin mendapatkan bantuan zakat UiTM. Bermula pada tahun 2021, ZAWAF telah melakar sejarah dan mengorak langkah ke arah lebih efisien dengan menyediakan sistem permohonan zakat secara atas talian seluruh Malaysia bagi memudahkan pelajar membuat permohonan.

Semua permohonan daripada para pelajar melalui sistem atas talian akan disemak dan ditapis oleh koordinator, para penyelaras dan juga Pakar Rujuk ZAWAF. Bagi para pelajar yang layak, mereka akan ditemuduga bagi mendapatkan pengesahan maklumat yang diberikan disamping mendapat bimbingan daripada panel penemuduga yang terlibat.

Setelah melalui proses temuduga tersebut, pelajar yang berjaya akan disalurkan bantuan zakat mengikut kategori asnaf secara terus ke akaun bank pelajar tersebut. Sesuai dengan matlamat UiTM, hala tuju ZAWAF telah diselaraskan dengan visi dan misi UiTM untuk menjadi sebuah Universiti Terkemuka Dunia 2025 (Globally Reowned University 2025 – GRU 2025). ZAWAF bersedia menyahut lima cabaran gelombang pencapaian iaitu Global Branding and Smart Partnership (2021), Globally Competent (2022), Globally Marketable (2023), Globally Respected (2024) dan akhirnya Globally Renowned University (2025).

Bagi merealisasikan hasrat dan matlamat ini, pengurusan ZAWAF UiTM Shah Alam telah menyelaraskan hala tuju mereka bersama ZAWAF cawangan dalam Perancangan Strategik 5 Tahun ZAWAF agar visi dan misi yang selari dengan UiTM ini dapat direalisasikan. Pada tahun antara 2020 hingga 2021, ZAWAF UiTM Negeri Sembilan telah menerima sumbangan zakat dari beberapa badan korporat.

**“Di UiTM Negeri Sembilan, ZAWAF telah mengagihkan sebanyak 20 buah komputer riba kepada pelajar asnaf yang memerlukan.”**



Sebanyak 20 orang pelajar telah menerima bantuan komputer riba daripada dana Zakat Korporat yang disumbangkan oleh Tabung Haji. Di samping itu, UiTM Negeri Sembilan juga berjaya mengagihkan sebanyak RM10,000 zakat korporat daripada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) kepada pelajar cemerlang dan juga pelajar program khas Plus Tahfiz UiTM.

Selain pengagihan bantuan dana zakat, ZAWAF juga bertanggungjawab mengagihkan dana bantuan sedekah yang diterima daripada warga UiTM dan juga orang ramai. Bantuan daripada dana sedekah ini diagihkan oleh ZAWAF kepada pemohon yang memerlukan antaranya pelajar atau warga UiTM yang ditimpa musibah atau bagi tujuan membiayai projek dan program pembangunan asnaf di UiTM. Agihan bantuan dana sedekah adalah dalam bentuk wang tunai dan pengagihannya lebih meluas kerana tidak terikat dengan asnaf tertentu.

Sumber dana bantuan sedekah adalah berbeza dari sumber bantuan zakat. Ini kerana dana bantuan sedekah adalah bersumberkan dari sumbangan warga UiTM yang telah membuat potongan gaji pada setiap bulan melalui portal kewangan UiTM. Ini bermakna, semakin ramai kakitangan yang membuat potongan gaji untuk dana sedekah melalui Skim Potongan Gaji (SPG) di UiTM, maka semakin meningkat jumlah wang boleh diagih kepada para pelajar di setiap kampus. Dana sedekah ini juga diperoleh melalui sumbangan orang ramai dan syarikat korporat yang berhasrat membantu warga UiTM yang memerlukan, khususnya para alumni yang ingin menyumbang kembali kepada UiTM.

ZAWAF telah menetapkan hala tuju yang jelas dan mengorak langkah dengan menumpukan sepenuhnya kepada aspek kebajikan warga selaras dengan matlamat universiti serta menepati Sustainable Development Goals (SDG). Pada masa yang sama, ZAWAF berperanan aktif dalam menyebarluaskan kefahaman Islam terutamanya dalam urusan zakat, sedekah dan wakaf kepada pelajar dan warga UiTM.

